

PM sembah tahniah

Sinar Harian - 31/7/2019 m/s: 4
FOTO: BERNAMA

Nyatakan komitmen kerajaan tingkat kesejahteraan rakyat


KUALA LUMPUR

Kemakmuran bersama rakyat menjadi teras komitmen kerajaan yang diterajui Pakatan Harapan (PH) dalam merencana program dan dasar bagi merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, bermaruah dan merdeka.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, walaupun baru sahaja memegang tampuk pemerintahan, kerajaan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dan berhasil dalam banyak perkara mengambil kira kedudukan kewangan negara yang diwarisi sebelumnya.

"Dalam hal ini, patik akan terus memastikan jentera Kerajaan Tuanku tidak berpeluk tubuh dan berpuas hati dengan pencapaian yang telah dicapai setakat ini.

"Usaha-usaha akan terus dilipat ganda untuk mengembalikan Malaysia menjadi antara paksi ekonomi penting di Asia," katanya semasa menyebarkan ucapan



Dr Mahathir membacakan Surat Pengisytiharan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 di Istana Negara semalam.

tahniah dan taat setia atas pertabalan Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 di Istana Negara semalam.

Dr Mahathir yang mewakili seluruh rakyat negara ini turut menzahirkan ucapan tahniah kepada Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah sebagai Raja Permaisuri Agong.

Dr Mahathir turut merakamkan junjungan kasih kepada Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V, sepanjang pemerintahan baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong

ke-15 sehingga 6 Januari lepas.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir memaklumkan bahawa pertumbuhan ekonomi negara masih berterusan dan inisiatif-inisiatif untuk membina semula negara supaya menjadi lebih maju terus giat dilaksanakan.

Katanya, walaupun dunia kini dilanda ketidaktentuan ekonomi dan pergolakan geopolitik, namun usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan telah memberi keyakinan kepada rakyat bahawa negara mampu untuk menghadapi ca-

baran-cabaran tersebut sekali gus meminimumkan kesan buruk yang mungkin hadapi.

Perdana Menteri berkata, pembangunan negara tidak akan bermakna jika terdapat rakyat yang masih hidup dalam kesusahan dan terpinggir daripada limpahan pembangunan, justeru kerajaan akan terus berusaha dengan lebih gigih untuk meningkatkan program-program kesejahteraan hidup rakyat.

Dalam menjayakan usaha itu, kata Perdana Menteri, kerjasama semua pihak amat diperlukan agar kenaikan harga barang dan kos sara hidup dapat ditangani secara holistik.

Sempena ulang tahun pertama pemerintahan kerajaan PH Mei lepas, Dr Mahathir berkata kerajaan mengumumkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang bertujuan memastikan seluruh rakyat merasai nikmat ekonomi dan kemakmuran negara secara bersama dan lebih adil dan teragih.

"Kemakmuran Bersama ini dibangunkan untuk mencapai beberapa objektif utama, iaitu untuk memastikan jurang pendapatan dan kekayaan rakyat dapat ditangani," katanya. - *Bernama*